



# SIARAN AKHBAR

## Kementerian Luar Negeri, Malaysia

---

### UNTUK SIARAN SERTA MERTA

#### LETUPAN BOM DI JAKARTA

Kerajaan Malaysia mengutuk sekeras-kerasnya kejadian letupan bom di Jakarta pada 14 Januari 2016 yang telah mengorbankan nyawa dan mendatangkan kecederaan kepada orang awam yang tidak berdosa serta menyebabkan kerosakan harta benda.

YAB Perdana Menteri telah menghubungi Presiden Joko Widodo pada waktu petang 14 Januari 2016 untuk menyampaikan ucapan takziah dan simpati yang mendalam Kerajaan Malaysia kepada pemerintah dan rakyat Republik Indonesia di atas kejadian tragis ini.

Kementerian Luar Negeri Malaysia ingin mengesahkan bahawa setakat ini tiada rakyat Malaysia yang terlibat dalam kejadian letupan bom tersebut. Kedutaan Besar Malaysia di Jakarta sentiasa berhubung rapat dengan pihak berkuasa tempatan Indonesia dan memantau perkembangan terkini.

Kementerian juga ingin menasihatkan rakyat Malaysia yang berada di Jakarta supaya lebih berhati-hati, sentiasa peka dan mematuhi setiap arahan yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa tempatan. Rakyat Malaysia yang memerlukan bantuan konsular, boleh menghubungi Kedutaan Besar Malaysia di Jakarta seperti berikut :

#### **Kedutaan Besar Malaysia**

Jalan H.R. Rasuna Said  
Mukim. X / 6, No.1-3 Kuningan  
Jakarta Selatan 12950  
Republik Indonesia

E-mel : [mwjakarta@kln.gov.my](mailto:mwjakarta@kln.gov.my)

Tel : 0062 21 5224 947

**Kementerian Luar Negeri, Malaysia**  
**PUTRAJAYA**

**14 Januari 2016**